

23 MAY 2000

KETUA MENTERI MEMULAKAN LARIAN OBOR SUKMA VIII

PULAU PINANG, 23 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon memulakan larian obor Sukan Malaysia (Sukma) VIII Pulau Pinang yang bermula dari kediaman Yang Dipertua Negeri, Seri Mutiara di sini, hari ini.

Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir menyerahkan obor Sukma kepada Koh dalam satu upacara ringkas yang diadakan sebelum Koh memulakan larian itu.

Sebelum itu, Pengarah Sukma VIII, Puan Jahara Hamid yang membawa obor dengan menaiki kereta vintage dan diiringi 20 motosikal berkuasa tinggi serta sebuah lagi kereta vintage yang membawa maskot Sukma VIII, Bang Bayan dan Chombee menyerahkan obor Sukma kepada Hamdan.

Menurut Koh, larian obor sejauh kira-kira 250 kilometer itu akan melalui kelima-lima daerah di bahagian pulau dan Seberang Perai, dengan larian sejauh 50 kilometer akan diadakan di setiap daerah.

Seramai 2,500 peserta termasuk orang kenamaan, pemimpin masyarakat, anggota pertubuhan belia dan wanita akan mengambil bahagian dalam larian obor itu.

Larian obor itu akan berakhir di Stadium Negeri di Batu Kawan pada hari perasmian Sukma VIII iaitu 27 Mei ini yang akan dirasmikan oleh Hamdan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menutup Sukma VIII pada 3 Jun ini.

-- BERNAMA

SA PR